

Ahad, 23 Jun 2019 | 7:14pm



Dr Mohamad Fadzil (dua dari kiri) bersama Ezani Abu Bakar (dua dari kanan) menyerahkan cek tajaan kepada Dekan Fakulti Perubatan UM, Datuk Prof Dr Adeeba Kamarulzaman (kiri) dan Dr Aizura Syafinaz pada majlis penyampaian sumbangan kepada 53 pelajar B40 UM di Kelab Golf Diraja Selangor, di Kuala Lumpur, hari ini. - NSTP/Mohd Yusni Ariffin

## 53 pelajar miskin UM tidak lagi ikat perut

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

**KUALA LUMPUR:** Seramai 53 pelajar daripada keluarga miskin di Universiti Malaya (UM) yang sebelum ini terpaksa sering mengikat perut, kini menarik nafas lega kerana menerima bantuan makanan harian sejak awal bulan lalu.

Bantuan membabitkan kewangan berjumlah RM175,000 setakat ini adalah sumbangan 174 individu dengan kebanyakannya ahli Group Golf Buaya, iaitu sebuah kelab yang menganggotai Kelab Golf Diraja Selangor.

Sumbangan itu susulan laporan eksklusif akhbar ini, Mac lalu, yang mendedahkan sebilangan pelajar UM daripada keluarga berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terpaksa mengikat perut dengan hanya makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung pada sebuku roti untuk dua hari.

- Laporan itu mendapat perhatian bekas Presiden Persatuan Alumni Perubatan UM, Dr Mohamad Fadzil Man, yang kemudian mengambil inisiatif mengumpul dana membantu pelajar terbabit.

Dr Mohamad Fadzil berkata, seramai 174 individu kemudian menyahut inisiatifnya membantu menghulurkan sumbangan.

Beliau berkata, sumbangan yang dikumpul kemudian diserahkan kepada Pengetua Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina) UM, Prof Madya Dr Aizura Syafinaz Ahmad Adlan yang juga Presiden Persatuan Alumni Perubatan UM.

"Sebagai alumni UM, saya amat bersimpati selepas membaca laporan akhbar ini mengenai pelajar daripada keluarga miskin terpaksa mengikat perut.

"Alhamdulillah, inisiatif saya mendapat sokongan pelbagai pihak, terutama ahli Group Golf Buaya," katanya kepada BH selepas majlis penyampaian sumbangan kepada 53 pelajar B40 UM di Kelab Golf Diraja Selangor, di sini, hari ini.

Sumbangan berkenaan diserahkan Dr Mohamad Fadzil kepada Dr Aizura Syafinaz.

Dalam pada itu, Dr Mohamad Fadzil berkata, setiap pelajar berkenaan menerima bantuan sekitar RM3,000 sebulan dan dana dikumpul setakat ini mencukupi untuk tempoh setahun.

"Kita berharap lebih ramai pihak tampil membantu menyalurkan bantuan demi kebajikan pelajar daripada keluarga miskin," katanya.

Pendedahan BH berhubung pelajar miskin yang terpaksa mengikat perut, Mac lalu, turut mendapat perhatian Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, kerajaan bersedia menyalurkan bantuan makanan lengkap kepada mahasiswa universiti awam (UA) jika ada peruntukan kewangan mencukupi.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula menasarkankan 20,000 mahasiswa daripada keluarga B40 menerima bantuan menerusi program Food Bank Siswa Malaysia menjelang hujung tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, dipetik sebagai berkata beliau sendiri berhubung dengan 20 timbalan naib canselor UA yang bersetuju mengadakan program Food Bank Malaysia di kampus masing-masing dengan segera.